

**KAJIAN PERLAKSANAAN SISTEM PENGURUSAN MAKLUMAT DI  
LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA KUALA LUMPUR (KLIA), SEPANG**

Disediakan Oleh :

**ABDUL RAHMAN BIN YAKOP  
(97012103)**

Di bawah Penyeliaan :

**TUAN HJ. JAMALUDIN BIN MOHD. ARIS**

Dissertasi ini dikemukakan kepada,  
Jabatan Ukur Bangunan,  
Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur,  
Institut Teknologi MARA  
Sebagai memenuhi syarat penganugerahan  
Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Ukur Bangunan

Tandatangan Penulis : \_\_\_\_\_

Disahkan : \_\_\_\_\_

(Penyelia Dissertasi)

## **Abstrak**

Peranan maklumat dalam sesuatu organisasi moden pada masa ini tidak boleh diperkecilkan. Kejituan dan ketepatan maklumat-maklumat yang dihasilkan boleh membantu mendapatkan keputusan yang baik dan tepat. Banyak teknologi baru telah dipraktikkan dan diperkenalkan bagi menangani pelbagai permasalahan sama ada dalam bidang pentadbiran, komunikasi, perubatan, pertanian dan juga pelancongan.

Kemudahan teknologi maklumat di dalam sistem pengurusan dan pentadbiran di lapangan-lapangan terbang juga dapat membantu menghasilkan pengurusan yang cekap dan efektif dan ini membolehkan negara membangun mengikut peredaran masa. Dan disebabkan itulah maka keperluan teknologi baru yang moden dan canggih amat penting kepada sesebuah negara.

Kajian ini dilakukan memandangkan peranan IT kini menjadi semakin penting dan untuk memberi gambaran dan pengetahuan mengenai sistem maklumat secara berpusat yang dilaksanakan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Sepang. Ia merupakan satu sistem yang kompleks dengan menggunakan peralatan canggih serta bersambungan dengan pelbagai jenis sistem elektronik yang terdapat di lapangan terbang.

Beberapa sesi temubual telah dijalankan dengan pegawai dan kakitangan yang terlibat di samping tinjauan dan pemerhatian telah dibuat ke kawasan kes kajian tersebut. Beberapa buah buku, dokumen, risalah dan akhbar telah dijadikan panduan untuk kajian ini. Soalan kajiselidik juga telah diedarkan kepada kakitangan yang terlibat untuk dianalisa masalah dan isu yang berkaitan.

Daripada segala analisa yang telah dibuat dapatlah disimpulkan bahawa sistem pengurusan maklumat di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Sepang belum mencapai tahap kesempurnaan perlaksanaannya. Tinjauan dan kajian yang dibuat ke atas kakitangan mendapati bahawa keseluruhannya memerlukan lagi latihan yang cukup bagi menyesuaikan diri dengan pelaksanaan sistem meklumat tersebut. Dari itu, pelaksanaan secara berperingkat-peringkat bagi menjamin kelancaran pengendaliannya dan seterusnya melicinkan perjalanan operasi di lapangan terbang terutama memberi keselesaan dan keselamatan kepada para penumpang.

Akhir sekali, beberapa cadangan dikemukakan untuk memperbaiki masalah yang timbul dalam menjalankan pengurusan sistem maklumat di lapangan terbang kajian. Di samping itu juga beberapa cadangan dikemukakan bagi mempertingkatkan lagi pengurusan sistem maklumat yang sedia ada.

## ISI KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKASURAT
	JUDUL	i
	PENGESAHAN PEMBETULAN DISSERTASI	ii
	PENGHARGAAN	iii - iv
	DEDIKASI	v
	ABSTRAK	vi - vii
	ISI KANDUNGAN	viii - xi
	SENARAI RAJAH	xii - xv
	SENARAI JADUAL	xvi - xvii
	SENARAI GAMBAR	xviii
	SENARAI LAMPIRAN	xix
	SENARAI SINGKATAN PERKATAAN	xx - xi
<b>BAB 1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
	1.0 PENGENALAN	1 - 5
	1.1 MATLAMAT KAJIAN	6
	1.2 OBJEKTIF DISSERTASI	6 - 7
	1.3 SKOP KAJIAN	7
	1.4 KEPENTINGAN KAJIAN	8
	1.5 METHODOLOGI	9 - 10
	1.6 PENYUSUNAN BAB	10 - 12
<b>BAB 2</b>	<b>TEKNOLOGI MAKLUMAT DI MALAYSIA</b>	<b>13</b>
	2.0 PENGENALAN	13 - 15
	2.1 DEFINISI TEKNOLOGI MAKLUMAT	15 - 17
	2.2 PERKEMBANGAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DI MALAYSIA	17 - 23
	2.3 KE ARAH ERA TEKNOLOGI MAKLUMAT	24 - 27
	2.4 PENINGKATAN BIDANG TEKNOLOGI MAKLUMAT	27
	2.4.1 Peranan Masyarakat	27
	2.4.2 Peranan Kerajaan	28

2.4.3 Golongan Usahawan dan Pelabur	28
2.4.4 Bersedia Menerima Perubahan	28
2.5 KESIMPULAN	29
<b>BAB 3 : PENGENALAN KES KAJIAN : SISTEM MAKLUMAT DI KLIA</b>	<b>30</b>
3.0 PENGENALAN	30 - 32
3.1 PEMBANGUNAN LAPANGAN TERBANG DI MALAYSIA	32 - 33
3.2 LATAR BELAKANG PENUBUHAN KES KAJIAN	33
3.2.1 Secara Umum	33 - 36
3.2.2 Kronologi Pembangunan KLIA	37 - 40
3.2.3 Keunikan KLIA	40 - 41
3.2.4 Imej	41
3.2.5 Data Utama KLIA	42 - 45
3.3 SISTEM MAKLUMAT	45
3.3.1 Definisi Sistem	45 - 46
3.3.2 Sistem Maklumat	46 - 47
3.4 SISTEM MAKLUMAT DI KLIA	47
3.4.1 Definisi TAMS (Total Airport Management System)	47
3.4.2 Skop Sistem Maklumat – TAMS	48 - 49
3.4.3 Misi Sistem Maklumat – TAMS	50
3.5 OBJEKTIF SISTEM MAKLUMAT – TAMS	50
3.5.1 Objektif Perniagaan	50 - 53
3.5.2 Objektif Teknologi	53 - 55
3.6 KONTRAKTOR SISTEM MAKLUMAT DI KLIA	55 - 56
3.7 KESIMPULAN	57